

Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)
Headline : Benarkan SPNB, agensi lain bina perumahan di RGC Long Lama
Date : 13 November 2020
Page : 5
Size : 13.7x17.8



Benarkan SPNB, agensi lain bina perumahan di RGC Long Lama

KUCHING: Dennis Ngau (GPS-Telang Usan) menggesa kerajaan negeri membenarkan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) atau agensi lain datang ke Sarawak, bagi membina komponen perumahan dalam pelan induk Pusat Pertumbuhan Luar Bandar (RGC) Long Lama.

Menurut beliau, terdapat keperluan untuk membangunkan komponen perumahan di kawasan berkenaan memandangkan Long Lama dianggap salah satu ‘growth spots’ di Baram.

“Saya mempunyai rancangan besar untuk membangunkan konstituensi saya iaitu Telang Usan bersama kerajaan negeri dan persekutuan, dengan memberi fokus serta membawa pembangunan ke RGC Long Lama dan pekan Long Lama.

“Untuk merealisasikannya, kita perlu menarik populasi yang besar untuk tinggal di sini dan disebabkan itu terdapat keperluan untuk membangunkan komponen



DENNIS

perumahan terlebih dahulu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan (2021), 2020 dan Usul Merujuk Resolusi Anggaran Pembangunan Bagi Perbelanjaan 2021 pada Persidangan DUN di sini, semalam.

Dennis berkata kawasannya telah mendapat banyak manfaat daripada anggaran pembangunan kerajaan negeri selama ini.

Antaranya, termasuk peruntukan RM750 juta di bawah Agensi Pembangunan

Tanah Tinggi, lebih RM300 juta bagi projek hibrid solar dan Skim Elektrifikasi Luar Bandar Alternatif Sarawak (SARES), dana RM30 juta untuk projek transformasi luar bandar sejak 2016 dan banyak lagi.

Beliau berkata, Belanjawan Negeri 2021 yang menumpukan pembangunan dengan memperuntukkan sebahagian besar kepada pembangunan luar bandar, adalah langkah baik dan bijak kerajaan negeri.

“Bagi saya, peruntukan yang lebih banyak digunakan untuk pembangunan luar bandar amat wajar kerana lebih banyak yang perlu dilaksanakan daripada aspek kemudahan yang kita perlukan di kawasan luar bandar negeri ini.

“Terdapat banyak perkara yang harus kita laksanakan dari segi pembangunan terutama kawasan luar bandar termasuk daerah di kawasan saya di Telang Usan, konstituensi Mulu dan konstituensi Marudi,” katanya.